

Ciri-Ciri Keusahawanan dalam Kalangan Guru Pelatih
(*Entrepreneurial Traits among Student Teachers*)

SHAMSIAH MD NASIR & NOR' AZAH AHMAD SAFRAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT). Sejumlah 306 orang guru pelatih terlibat dalam kajian ini. Analisis data menunjukkan tahap ciri keusahawanan dalam kalangan guru pelatih perempuan adalah tinggi berbanding guru pelatih lelaki, manakala tahap ciri keusahawanan dalam kalangan guru pelatih program KPLI adalah tinggi berbanding guru pelatih program PISMP. Dapatan kajian juga menunjukkan guru pelatih pengkhususan Matematik mempunyai tahap ciri keusahawanan yang tinggi. Namun responden yang dikaji didapati kurang yakin untuk mengambil risiko dan kurang lokus kawalan dalaman. Tahap ciri-ciri keusahawanan yang tinggi dalam setiap guru adalah penting bagi memenuhi kehendak pelanggan (ibubapa dan masyarakat) dalam menghasilkan produk (murid) yang dihasrat oleh FPK. Mereka akan menjadi lebih kreatif dan inovatif serta dapat merangsang pembelajaran murid.

Kata kunci: Ciri-ciri keusahawanan, guru pelatih, kreatif, inovatif.

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the entrepreneurial traits among student teachers of Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT). A total of 306 respondents were involved in this study. An analysis of data shows that the level of entrepreneurial traits among female student teachers were higher compared to their male counterparts, whereas student teachers of KPLI programme had higher level of entrepreneurial traits compared to student teachers of PISMP programme. The findings also indicate that mathematic student teachers possessed higher entrepreneurial traits. Respondents under study, however, portrayed low-confidence in risk taking as well as low internal locus of control. Possessing high level of entrepreneurial traits is important in every teacher in order to fulfil clients' needs (parents and society) and to produce the desired product (students) of FPK (National Education Philosophy). They will be more creative and innovative, and able to stimulate students' learning.

Keywords: Entrepreneurial traits, student teachers, creative, innovative.

PENGENALAN

Matlamat utama pendidikan di Malaysia ialah untuk menampung keperluan tenaga kerja dan mencapai perpaduan negara melalui perkembangan individu yang bersepadu dan menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Bagi menyempurnakan hasrat FPK ini, para guru telah diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik bukan sahaja dari segi penyebaran ilmu bahkan dalam pembentukan sahsiah anak didiknya. Generasi yang berilmu dan berakhlak tinggi dapat melahirkan bangsa yang bertamadun.

Apabila FPK dihayati, guru harus sedar bahawa mereka sebenarnya memikul tanggungjawab yang amat berat. Guru perlu mencurahkan ilmu kepada pelajarnya di samping peka dengan perubahan semasa dan menyesuikannya secara bijak bagi menangani masalah pengajaran dan pembelajaran terutama yang berkaitan dengan disiplin pelajar. Mereka bukan sahaja perlu berkemahiran mengajar dan mengembangkan ilmu, malah sikap, tingkah laku dan disiplin diri harus dibentuk ke arah profesional.

Sistem pendidikan negara yang berkualiti merupakan salah satu faktor utama yang akan mencetuskan kejayaan agenda pembangunan modal insan dan pemupukan minda kelas pertama sebagaimana yang ditetapkan dalam Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan. Pelbagai pelan juga dirangka, bagi meningkatkan lagi kualiti guru di setiap pelusuk tanahair sebagaimana Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006–2010) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) dan dilanjutkan pula dengan Pelan Pembangunan Pendidikan (2012-2025).

Abdullah (2006), dalam ucapan bajet tahun 2007 menyatakan kesan dan akibat globalisasi ini, bidang pendidikan dijadikan sebagai landasan oleh kebanyakan negara di seluruh dunia dengan matlamat untuk melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan dilengkapi dengan pelbagai kemahiran seperti hard skills, soft skills, competitive skills dan employability skills. Graduan perlu memiliki bukan sahaja kelayakan akademik tetapi kebolehan dan kemahiran yang memberikan nilai tambah yang mampu menarik minat majikan bagi memenuhi ekspektasi majikan dan cabaran pekerjaan yang semakin meningkat (Said, 2006).

Pendidikan abad ke-21 menuntut agar warga pendidik meningkatkan kemahiran sedia ada dan memupuk kemahiran baru secara berterusan dalam aspek kepakaran, profesionalisme dan kepimpinan. Warga pendidik perlu peka dan responsif terhadap keperluan mempertingkatkan sistem pendidikan

Malaysia yang bertaraf dunia untuk keperluan modal insan memenuhi ekonomi berasaskan pengetahuan. Bagi membangunkan sistem pendidikan alaf baru, guru perlu mempunyai watak dan minda profesional supaya dapat menghayati serta mengaplikasi ilmu daripada pelbagai sumber ke arah penambahbaikan berterusan selaras dengan perkembangan ilmu yang dinamik dan progresif.

Visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan Guru (BPG) adalah untuk melaksanakan sistem pendidikan guru yang bertaraf dunia dari segi kualiti untuk memastikan agar guru-guru sentiasa berketrampilan bagi memenuhi aspirasi negara Malaysia. Justeru itu, salah satu objektif BPG adalah untuk melahirkan guru permulaan yang berkualiti. Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang dikeluarkan oleh BPG (2007) juga telah menggariskan lapan hasil pembelajaran program. Berdasarkan hasil pembelajaran yang ke lapan, para lulusan PISMP berkemampuan menjadi guru sekolah rendah yang mempraktikkan semangat dan ciri-ciri keusahawanan dalam mengendalikan kehidupan seharian. Selain pencapaian akademik cemerlang, guru pelatih perlu mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi termasuk komunikasi secara berkesan dan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis, keusahawanan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat serta etika dan moral profesional.

Kemunculan isu mengenai penguasaan kemahiran oleh graduan telah mendorong Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menghasilkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT Malaysia sebagai rujukan kepada IPT di Malaysia. Modul yang diperkenalkan ini adalah hasil usaha dan komitmen banyak pihak di kementerian bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketerampilan dan mampu bersaing bukan sahaja di pasaran kerja tempatan, malah peringkat antarabangsa (Yulpisman, 2006). Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT). Kajian ini adalah penting kerana guru pelatih yang dilatih di institusi perguruan merupakan bakal-bakal guru yang akan memainkan peranan sebagai pendidik dalam melahirkan modal insan seperti yang diharapkan.

KONSEP KEUSAHAWANAN

Mcgrath et.al (1992) menyimpulkan bahawa mereka yang berjaya dalam bidang keusahawanan mempunyai ciri-ciri yang unik dan hampir sama antara satu dengan yang lain. Kent (1990) dalam kajiannya mendapati ramai orang mempunyai potensi atau ciri-ciri keusahawanan tetapi tidak menjadi usahawan. Pendapat ini turut disokong oleh kajian Nor Aishah (2002) yang menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai sikap dan semangat keusahawanan adalah seorang yang sentiasa ingin berjaya dan berusaha bersungguh-sungguh dalam segala bidang yang diceburi tidak kira sama ada beliau adalah pengurus, peniaga, juruteknik atau guru.

Usahawan dan keusahawanan selalunya dikaitkan dengan perniagaan. Kurang sekali istilah tersebut dikaitkan dengan guru atau pendidik mahupun pentadbir sekolah. Walau bagaimanapun, ciri-ciri keusahawanan adalah ciri-ciri murni yang boleh juga dijadikan asas kepada bakal-bakal guru dan pentadbir sekolah supaya mereka menjadi seperti usahawan berupaya mencari peluang dan memberi peluang kepada orang lain dalam konteks sekolah atau institusi pendidikan yang lain.

Usahawan ialah individu yang bukan sahaja mencipta kekayaan, tetapi turut mendorong pembahagian kekayaan yang dimiliki, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi (KPT, 2007). Usahawan juga adalah individu yang bersedia untuk mengadunkan kreativiti, inovasi, mengambil risiko, kesungguhan untuk bekerja bagi membentuk dan membangunkan perniagaan, memaksimumkan potensi diri dan memanfaatkan peluang yang diperolehi (Nor Aishah Buang, 2002).

Keusahawanan merangkumi sikap, kemahiran dan pengetahuan. Terminologi usahawan kini tidak hanya merujuk kepada yang menjalankan perniagaan, malah dikembangkan kepada individu yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang tinggi, yang tidak memiliki perniagaan sendiri seperti usahawan dalaman dan usahawan sosial (KPT, 2007). Justeru bidang pendidikan perlu menerapkan ciri-ciri tersebut terutamanya kepada guru-guru, supaya mereka menjadi usahawan sosial yang boleh mengadun sumber-sumber yang terhad di sekeliling mereka supaya berjaya melahirkan keuntungan dari segi melahirkan graduan sekolah yang seimbang.

Sejajar dengan cabaran globalisasi dan liberalisasi menuntut guru menjadi lebih dinamik dan agresif dalam menangani pelbagai masalah di sekolah dan kekuatan sesebuah sekolah juga adalah bergantung pada kompetensi gurunya. Sammons

(1999 dalam Fullan, 2001) menyatakan “ almost every single study of school effectiveness has shown both primary and secondary leadership to be a key factors .” Mereka perlu mempunyai satu set kemahiran yang komprehensif. Kemungkinan dengan penerapan ciri-ciri keusahawanan, bidang pendidikan di Malaysia akan lebih berjaya kerana pengurus atau guru sekolah. Seorang pelajar yang mempunyai ciri-ciri keusahawanan akan menunjukkan tingkah laku keusahawanan. Apabila mereka merancang sesuatu yang strategik mereka akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya. Ia boleh mempengaruhi orang lain untuk mencapai tujuan, tekun dan sabar mengejar tujuan secara berterusan tanpa mengira halangan dan berkorban untuk mencapai tujuan tersebut.

Ciri-ciri keusahawanan yang perlu ada pada usahawan berjaya adalah komitmen dan kesungguhan, keinginan untuk bertanggungjawab, pengambil peluang dan pencapaian matlamat, bertoleransi tinggi dengan risiko, kekaburan dan ketidakpastian, berkeyakinan diri, kreatif dan fleksibel, inginkan maklum balas yang segera, bertenaga, bermotivasi untuk berjaya dan cemerlang, berorientasikan masa hadapan, kesanggupan untuk belajar melalui kesilapan dan mempunyai kebolehan memimpin (Timmons 1994).

Terdapat beberapa ciri-ciri keusahawanan yang telah dikenalpasti untuk membina usahawan yang berjaya dan berdaya saing. Ciri-ciri keusahawanan ini boleh diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran di sekolah sama ada secara formal atau nonformal. Antara ciri-cirinya ialah inisiatif dan bertanggungjawab, komitmen yang tinggi, kreatif dan Inovatif, keyakinan dan optimistik, berdikari, semangat berpasukan, lebih bertenaga, fleksibel, mencari maklumbalas, orientasi peluang, mengambil risiko secara sederhana, kemahiran mengatur, menuju ke arah kejayaan, kebolehan menentukan visi dan kawalan fokus dalaman.

Guru haruslah sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu baharu sesuai dengan perubahan dan kehendak semasa selaras dengan status mereka sebagai kelompok profesional. Ini adalah penting bagi membolehkan mereka mempunyai pemikiran kreatif dan imaginatif serta bertindak secara inovatif. guru yang cemerlang berjaya menampilkan diri mereka dengan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan kemahuan yang boleh diterima oleh warga sekolah berkenaan. Bagi melahirkan guru yang cemerlang, guru-guru tersebut perlu berusaha mencari makna dan kefahaman terhadap sesuatu perubahan tingkah laku khususnya prestasi pengajaran yang terbaik. Mereka juga perlu berjaya berinteraksi dengan agama, sendiri dan juga dengan masyarakat sekitarnya. Guru cemerlang berupaya berfikir secara kreatif, mampu membuat

pertimbangan yang bijak, seterusnya berupaya untuk mengubah tingkah laku mereka serta mengimbangi diri dengan nilai perenial dan sosial.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 306 orang guru pelatih telah dipilih daripada program PISMP dan KPLI untuk dijadikan sampel kajian, iaitu 129 orang responden lelaki dan 177 orang responden perempuan. Responden terdiri daripada pelbagai pengkhususan iaitu Sains, Matematik, Reka Bentuk Teknologi, Kemahiran Hidup dan Kajian Sosial.

Instrumen kajian menggunakan soal selidik mengandungi 40 soalan tertutup. Item-item ciri keusahawanan dalam soal selidik telah dipetik daripada kajian Norfadhilah (2003). Bagi kajian ini pengkaji menggunakan hanya lapan ciri-ciri keusahawanan yang perlu ada dalam diri seorang guru sebagaimana ciri-ciri keusahawanan yang diadaptasi daripada KPT (dalam BPG, 2007) serta kajian-kajian yang telah dijalankan oleh Norfadhilah (2003) dan Halimah & Norasmah

(2002) dalam kajiannya tentang ciri-ciri keusahawanan. Satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 30 orang guru pelatih IPG Kampus Pendidikan Teknik. Item-item ciri keusahawanan telah diukur dan nilai pekali kebolehppercayaan, α bersamaan 0.8584. Didapati pekali kebolehppercayaan adalah pada paras alfa yang tinggi dan ini menunjukkan bahawa item-item yang dikemukakan boleh diterima dan dipercayai.

Soal selidik yang diedar kepada responden seramai 306 orang guru pelatih daripada program PISMP dan KPLI dikumpulkan setelah diberikan masa untuk menjawab soal selidik dan telah dianalisis menggunakan sistem "Statistical Package for Social Sciences 13" (SPSS 13). Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh tentang latar belakang responden kajian seperti jantina, pengkhususan dan program serta ciri-ciri keusahawanan guru-guru pelatih. Dalam kajian ini, ujian t dan ujian ANOVA digunakan bagi menganalisis tahap ciri-ciri keusahawanan serta untuk membuat perbandingan tahap ciri-ciri keusahawanan yang wujud dalam kalangan guru-guru pelatih. Skor min yang diperolehi akan dibandingkan dengan skor min seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Tahap item mengikut nilai min

Skor Markah	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Ubahsuaian dari Jamil Ahmad 1993

DAPATAN

Berdasarkan Jadual 2 didapati nilai-t bagi perbandingan tahap ciri-ciri keusahawanan antara guru pelatih perempuan dan guru pelatih lelaki ialah $t=9.7$ dan tahap signifikan $p=0.701$. Tahap signifikan ini lebih

besar daripada $0.05(p>0.05)$. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap ciri-ciri keusahawanan di antara guru pelatih perempuan dengan guru pelatih lelaki walaupun min tahap ciri-ciri keusahawanan (berdasarkan Jadual 1) dalam kalangan guru pelatih perempuan adalah tinggi (min=3.96) berbanding skor min guru pelatih lelaki (min= 3.71).

JADUAL 2. Tahap item mengikut nilai min

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai	Nilai - t	Tahap signifikan
Lelaki	129	3.71	.21	9.7	.701
Perempuan	177	3.96	.23		

Dari segi program pula seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, kajian ini mendapati, skor min ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan guru pelatih program PISMP adalah tinggi berbanding skor min ciri-ciri keusahawanan guru pelatih program KPLI. Walau bagaimanapun, ujian t yang dijalankan

menunjukkan tahap kesignifikan perbezaan tersebut adalah lebih besar daripada daripada 0.05 ($p > 0.05$). Ini menunjukkan bahawa tahap ciri-ciri keusahawanan guru pelatih untuk kedua-dua program ini adalah sama dan ianya pada tahap yang tinggi.

JADUAL 3. Tahap ciri-ciri keusahawanan mengikut program

Jantina	Bil (N)	Min	Sisihan Piawai	Nilai - t	Tahap signifikan
PISMP	175	3.91	.24	4.27	.075
KPLI	131	3.79	.26		

Jadual 4 pula menunjukkan dapatan deskriptif tahap ciri-ciri keusahawanan mengikut pengkhususan. Berdasarkan Jadual 5, didapati terdapat perbezaan yang signifikan skor min tahap ciri-ciri keusahawanan guru pelatih mengikut program ($F(4, 301)=3.524$; $p < 0.05$). Tahap ciri-ciri keusahawanan guru pelatih pengkhususan Matematik ($M=3.948$, $S.P=.257$) lebih tinggi berbanding guru pelatih pengkhususan Sains ($M=3.840$, $S.P=.248$), guru pelatih pengkhususan Reka Bentuk Teknologi ($M=3.827$, $S.P=.255$), guru pelatih pengkhususan Kemahiran Hidup ($M=3.810$, $S.P=.257$) dan guru pelatih pengkhususan Kajian Sosial ($M=3.793$,

$S.P=.227$). Terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pengkhususan Sains dengan Matematik, kumpulan Matematik dengan Reka Bentuk Teknologi dan Kemahiran Hidup seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Manakala kumpulan pengkhususan Kajian Sosial menunjukkan tiada perbezaan signifikan tahap ciri-ciri keusahawanan dengan kumpulan lain. Walaupun keputusan ujian Anova Sehalu tersebut adalah signifikan secara statistik, perbezaan sebenar dalam skor min antara kumpulan sangat kecil berdasarkan saranan Cohen (1988). Kesan saiz yang dikira menggunakan Eta kuasa dua adalah 0.044.

JADUAL 4. Tahap ciri-ciri keusahawanan mengikut pengkhususan

Pengkhususan	Bil (N)	Min	Sisihan Piawai
Matematik	78	3.948	.257
Sains	101	3.841	.248
Reka Bentuk Teknologi	69	3.827	.255
Kemahiran Hidup	39	3.810	.257
Kajian Sosial	19	3.793	.227
	306	3.86	.256

JADUAL 5. Ujian ANOVA tahap ciri-ciri keusahawanan mengikut pengkhususan

Tahap ciri-ciri keusahawanan	Jumlah kuasa dua	Darjah kebebasan	Min kuasa dua	Nilai F	Signifikan
Antara kumpulan	.894	4	.224	3.524	.008
Dalam kumpulan	19.10	301	.063		
	19.994	305			

JADUAL 6. Keputusan Ujian Post Hoc Scheffe tahap ciri-ciri keusahawanan mengikut pengkhususan

	Pengkhususan	Perbezaan Min	Ralat Piawai	Signifikan
Sains	Matematik	10748*	.03797	.039
	Reka Bentuk Teknologi	.01333	.03934	.997
	Kemahiran Hidup			
	Kajian Sosial	.02970	.04749	.971
		.04717	.06299	.945
Matematik	Sains	10748*	.03797	.039
	Reka Bentuk Teknologi	.12081*	.04163	.032
	Kemahiran Hidup			
	Kajian Sosial	.13718*	.04940	.046
		.15466	.06445	.118
Reka Bentuk Teknologi	Sains	-.01333	.03934	.997
	Matematik	-.12081*	.04163	.032
	Kemahiran Hidup	.01637	.05046	.998
	Kajian Sosial	.03384	.06526	.985
Kemahiran Hidup	Sains	-.02970	.04749	.971
	Matematik	-.13718*	.04940	.046
	Reka Bentuk Teknologi	-.01637	.05046	.998
	Kajian Sosial			
		.01748	.07047	.999
Kajian Sosial	Sains	-.04717	.06299	.945
	Matematik	-.15466	.06445	.118
	Reka Bentuk Teknologi	-.03384	.06526	.985
	Kemahiran Hidup			
		-.01748	.07047	.999

*. Signifikan pada tahap 0.05

Secara keseluruhannya, responden yang dikaji mempunyai tahap ciri-ciri keusahawanan seperti bertenaga, berkeyakinan, bertanggungjawab, pandangan jauh, komitmen kerja dan kreatif & inovatif yang tinggi iaitu melebihi min 4 (rujuk Jadual 5).

Manakala ciri keusahawanan berani mengambil risiko dan locus kawalan dalaman adalah pada tahap yang sederhana. Ini bermakna responden yang dikaji kurang yakin untuk mengambil risiko (min 3.27) dan kurang locus kawalan dalaman (min 3.54).

JADUAL 7. Ciri-ciri keusahawanan

Ciri-ciri Keusahawanan	Min
Bertenaga	4.15
Berkeyakinan	4.11
Bertanggungjawab	3.76
Pandangan jauh	4.05
Berani Mengambil Risiko	3.27
Komitmen Kerja	4.05
Lokus Kawalan Dalaman	3.54
Kreatif & Inovatif	3.92
Min Keseluruhan	3.86

Kecenderungan ini membawa beberapa implikasi kepada sistem pendidikan. Tahap ciri-ciri keusahawanan guru pelatih yang tinggi akan dapat memenuhi kehendak pelanggan (ibu bapa dan masyarakat) dalam menghasilkan produk (murid) yang dihasrat oleh FPK. Mereka akan menjadi aktif, kreatif, menyeronokkan, inovatif, berimajinatif dan dapat merangsang pembelajaran murid. Mereka dianggap dapat memenuhi permintaan pelanggan (ibu bapa dan masyarakat) dan akan berjaya menghasilkan produk (murid) yang berkualiti. Mereka juga akan boleh menyesuaikan ilmu dan kemahiran yang didapati serta menggunakannya di dalam pengurusan bilik darjah secara berkesan.

Dalam hal ini, institut perguruan di dapati berkesan dalam melahirkan guru permulaan yang lengkap. Sifat keusahawanan yang ada pada guru khususnya akan dapat membantu sekolah mencari peluang, memberi peluang dan sentiasa berusaha berdikari untuk berjaya melahirkan graduan sekolah yang diperlukan negara. Konsep usahawan sosial boleh diketengahkan sesuai dengan berbagai-bagai cabaran masa kini yang menuntut guru yang sentiasa kreatif dan inovatif.

Seorang guru yang berjaya perlu mempunyai ciri-ciri keusahawanan supaya sekolah yang diterajui mencapai visi, misi dan matlamat yang ditentukan terutama sekali bagi memastikan kejayaan murid-murid bukan sahaja dalam akademik tetapi juga daripada segi sahsiah mereka supaya bidang pendidikan berjaya melahirkan modal insan yang diperlukan oleh negara. Guru-guru yang kreatif telah mampu menyumbangkan perkhidmatan terhadap sektor kerajaan dan swasta khususnya dari segi pembangunan kaedah baru dalam strategi pengajaran dan pembelajaran seperti yang dinyatakan oleh Chuck Lavaroni (1976).

RUJUKAN

- Abdullah Badawi, 2006. Ucapan teks “Pembangunan Modal Insan Penjana Wawasan 2020”. Dicapai pada Nov. 18, 2011 dari <http://jpmportal.prison.gov.my/akademi/images/ArkibAKM>
- Bahagian Pendidikan Guru. 2007. Manual Kualiti. Kementerian Pelajaran Malaysia. (Februari). Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 1999. Kajian guru sebagai penyelidik. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Cohen J. 1988. In: Statistical power analysis for the behavioural sciences. 2, editor. New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Chuck Lavaroni. 1976. The Creative Teacher and The Intrapreneurial Process dari <http://www.edentrepreneurs.org/paper.phtml>.
- Fullan, M. 2001. Leading in a culture of change. San Francisco: Jossey-Bass.
- Halimah Harun dan Norasmah Othman, 2002. Kurikulum keusahawanan dalam program latihan guru untuk melahirkan usahawan pendidikan. Proceedings Education For All:217-244.
- Jamil Ahmad, 1993. Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan Sains KBSM di sekolah-sekolah menengah di negeri Kedah Darul Aman. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kent, C.A. 1990. “Entrepreneurship Education at the Collegiate Level: A Synopsis and Evaluation.” In C.A. Kent (Ed.) Entrepreneurship Education, pp. 111-122. New York: Quorum Books.

- McGrath, R.G., MacMillan, I.C., & Scheinbert, S. 1992. "Elitist, Risk Takers and Rugged Individualists? An Exploratory Analysis of Cultural Differences between Entrepreneurs and Non-entrepreneurs." *Journal of Business Venturing* 115-136.
- Nor Aishah Buang. 2002. Tahap kewujudan elemen-elemen keusahawanan dalam kurikulum pendidikan teknik, vokasional dan keusahawanan Tingkatan 5 di sekolah-sekolah menengah. Lulu pantas Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfadhilah Nasrudin, 2003. Aspirasi kerjaya usahawan di kalangan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said, A. 2006. Knowledge surveys: An introduction. Paper presented on August 30 in the Faculty of Education UTM Skudai Colloquium. dari <http://www.google.com.my/url?sa=t&rct=j&q=ekspektasi%20majikan%20d>.
- Timmons, Jeffrey A. 2004. *New venture creation: Entrepreneurship for the 21st century*. Irwin: US
- Yulpisman Asli, 2006. Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah. dari <http://blis.bernama.com/mainHome.do>

Shamsiah Md Nasir (Puan)
 Ketua Jabatan
 Jabatan Ilmu Pendidikan
 Institut Pendidikan Guru
 Kampus Pendidikan Teknik
 Kompleks Pendidikan Nilai
 71760 Bandar Enstek
 Negeri Sembilan Darul Khusus
 E-mel : shamsuria64@gmail.com
shamsiah@pendidikguru.edu.my

Nor' Azah Ahmad Safran (Puan)
 Institut Pendidikan Guru
 Kampus Pendidikan Teknik
 Kompleks Pendidikan Nilai
 71760 Bandar Enstek
 Negeri Sembilan Darul Khusus
 E-mel : azah_azmi@yahoo.com.my
azah@pendidikguru.edu.my